

Datuk dan Nenek: Komunikasi dengan ibu bapa cucu anda

Mengapa komunikasi dengan ibu bapa cucu anda penting

Berkomunikasi dengan baik bersama ibu bapa cucu anda ialah kunci bagi mengeratkan lagi hubungan anda dengan mereka, menyelesaikan masalah sekiranya ada dan mengelakkan konflik yang timbul daripada salah faham. Apabila anda dan ibu bapa cucu anda berkomunikasi dengan baik, ini dapat mewujudkan persekitaran terbaik untuk kesihatan dan perkembangan cucu anda.

Berbincang untuk mengelakkan salah faham atau menyelesaikan konflik mungkin suatu perkara yang baru bagi keluarga anda. Ia perlu diingatkan bahawa, seperti kebanyakan perkara yang lain, anda akan menjadi lebih baik apabila anda mengamalkannya.

Petua berkomunikasi dengan ibu bapa cucu anda

Cuba petua ini untuk komunikasi yang baik dengan ibu bapa cucu anda:

- Kongsi berita dan cerita lucu mengenai cucu anda dengan ibu bapa cucu anda – ini dapat membantu mereka mengetahui tentang perkara terkini yang sedang berlaku dan ini adalah baik bagi perhubungan anda. Ini juga menyeronokkan.
- Bercakap secara positif dengan ibu bapa cucu anda – walaupun anda sedang mengemukakan suatu kebimbangan – sebagai contoh, ‘Ada baiknya jika anda datang tepat pada masanya. Saya lihat Arthi agak kecewa apabila anda datang lewat’.
- Gunakan kemahiran mendengar yang baik – beri perhatian semasa ibu bapa cucu anda sedang berbual dan cuba memahami perkara daripada perspektif mereka, walaupun pendapat mereka mungkin berlainan daripada pendapat anda.
- Tunggu sehingga anda diminta untuk memberi nasihat sebelum memberikan apa-apa nasihat. Nasihat dapat membantu, tetapi terlalu banyak nasihat boleh menjadi masalah dan menjauhkan seseorang.

Petua untuk mengelakkan konflik

Komunikasi yang baik dapat membantu mengelak salah faham yang boleh menyebabkan konflik. Untuk mengelakkan salah faham, anda mungkin ingin menyepak dengan ibu bapa cucu anda tentang:

- sama ada cucu anda dibenarkan menerima upah seperti gula-gula dan jika demikian, berapa banyak
- bagaimana anda ingin mengurus kelakuan cucu anda dan memastikan mereka bersetuju dengannya – sebagai contoh ‘Saya tidak boleh membawa dia bersiar-siar di taman jika dia tidak mahu memegang tangan saya untuk menyeberang jalan. Bukankah itu sesuatu yang wajar?’
- apa yang mereka ingin anda lakukan jika cucu anda tercedera atau demam semasa berada dalam penjagaan anda
- keperluan anda sendiri dan cara mereka memainkan peranan mereka dalam penjagaan cucu anda.

Tangani apa-apa isu sebelum perkara itu menjadi masalah yang lebih besar – sebagai contoh, ‘Saya memang suka menghantar Kai Li ke kelas pengayaannya kerana itu memberi saya lebih masa bersamanya. Tetapi keadaan lalu lintas menjadi masalah. Saya mungkin boleh menghantar dia ke kelas tetapi memerlukan bantuan untuk memasak makan malam apabila kami pulang’. Kemudian dengar pula pendapat pihak lain.

Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat konflik: Petua

Malah dengan komunikasi yang baik, salah faham dan perbezaan pendapat tetap boleh berlaku. Mungkin terdapat perkara yang tidak dipersetujui atau tindakan mendiamkan diri antara anda dengan ibu bapa cucu anda. Konflik adalah perkara biasa dalam hubungan. Perkara yang penting ialah cara anda menanganinya. Berikut ada beberapa idea:

- Pilih masa yang sesuai – mungkin bukan masa yang terbaik untuk membincangkan perkara yang bermasalah apabila ibu bapa cucu anda baru pulang dari kerja. Cuba pilih masa yang sesuai semasa ketiadaan cucu anda. Jika perlu, tangguhkan ke lain masa.
- Fikirkan tentang nada suara anda dan bagaimana kedengarannya kepada ibu bapa cucu anda. Cuba jangan kedengaran kasar atau membantah. Kemungkinan besar ibu bapa cucu anda akan mendengar cakap anda jika mereka tidak berasa tertekan.
- Tenang, positif dan menghormati. Memulakan dengan pemerhatian atau soalan dapat membantu – sebagai contoh, ‘Saya lihat Kimberly suka meragam jika dia bermain di komputer terlalu lama. Apakah pendapat awak?’
- Dengar kepada ibu bapa cucu anda tanpa menyampuk. Biarkan mereka habis bercakap sebelum anda bersuara.
- Pastikan anda memahami perspektif ibu bapa cucu anda – sebagai contoh, ‘Kedengarannya seperti awak berpendapat Siti mungkin terlalu muda untuk menonton filem itu’.
- Elak daripada menyuarakan perkara yang boleh menyinggung perasaan atau menuduh – seperti, ‘Awak selalu ...’ dan ‘Awak tidak pernah ...’ Lebih baik untuk menumpukan pada perkara yang dibincangkan dan jangan meleret. Sebagai contoh. ‘Sharon menggunakan perkataan yang tidak baik di taman semalam, saya tidak pasti cara untuk menanganinya’.
- Bertanggungjawab bagi perasaan anda – sebagai contoh, ‘Saya benar-benar penat selepas menjaga Wei Zhen sepanjang hari. Bolehkah awak dapatkan pembantu untuk membantu saya?’
- Tunjukkan belas kasihan kepada anak anda – mereka sedang melakukan sebaik mungkin.

Teknik menyelesaikan masalah dapat membantu apabila terdapat konflik. Lihat helaian petua kami tentang menyelesaikan masalah bagi langkah menyelesaikan masalah.